



TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PECAH TANAH
PROJEK MENAIK TARAF JALAN LOK KAWI DARI
BULATAN SABINDO KE SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN KINARUT, PAPAR
(JALAN PERSEKUTUAN)

28 JULAI 2026 | SELASA
WSG KINARUT SHOW GALLERY
KINARUT PAPAR, SABAH

<<< Salutations will be given by Urusetia on the day of the event>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah atas kesudian beliau hadir bersama-sama kita pada hari ini bagi menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Menaik Taraf Jalan Lok Kawi dari Bulatan Sabindo ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kinarut, Sabah.
2. Kehadiran YAB pada hari ini amat bermakna kerana ia mencerminkan kesepakatan dan kerjasama erat antara Kerajaan

Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dalam memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan membawa manfaat yang nyata kepada rakyat.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup merangkap Ahli Parlimen Papar di atas kesudian hadir pada hari ini.
4. Tidak dilupakan kepada semua tetamu yang hadir serta semua kementerian, jabatan, agensi dan pihak berkaitan yang telah memberikan komitmen, kerjasama dan sokongan dalam menjayakan majlis yang penuh bermakna ini.

SETIAP PEMBANGUNAN ADALAH AMANAH KEPADA RAKYAT

Hadirin yang saya hormati,

5. Bagi Kerajaan, setiap peruntukan yang disediakan dan setiap projek yang dilaksanakan merupakan satu amanah yang perlu diterjemahkan kepada manfaat sebenar kepada rakyat.
6. Pembangunan infrastruktur bukan hanya mengenai pembinaan jalan, jambatan atau kemudahan fizikal. Lebih daripada itu, ia adalah usaha untuk memudahkan kehidupan rakyat, mempercepatkan perjalanan, meningkatkan keselamatan serta membuka ruang kepada pembangunan ekonomi dan sosial.
7. Atas prinsip tersebut, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan perhatian terhadap keperluan menaik taraf jaringan jalan raya di seluruh negara, termasuk di negeri Sabah.
8. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan Lok Kawi dari Bulatan Sabindo ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kinarut, Sabah sebagai salah satu projek infrastruktur pengangkutan penting bagi meningkatkan keupayaan laluan ini serta memenuhi keperluan pengguna jalan raya.

MENJAWAB KEPERLUAN RAKYAT DAN CABARAN PERGERAKAN HARIAN

9. Untuk makluman hadirin sekalian, projek ini melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM70.6 juta. Pada ketika ini, laluan Lok Kawi – Pengalat – Papar masih merupakan jalan tunggal dua (2) lorong dengan piawaian JKR R4 yang menjadi laluan penting menghubungkan Kota Kinabalu ke Papar serta digunakan oleh ribuan pengguna setiap hari.
10. Laluan ini mempunyai kepentingan besar kepada masyarakat setempat kerana menjadi penghubung utama bagi penduduk, pekerja, pelajar dan pengguna jalan raya yang menjalankan urusan harian.
11. Namun, perkembangan aktiviti pembangunan perumahan, pelancongan, kawasan persekolahan serta premis kerajaan di sepanjang jajaran tersebut telah menyebabkan peningkatan ketara jumlah trafik sehingga mencecah kira-kira 27,000 kenderaan sehari.

12. Peningkatan ini telah menyebabkan kesesakan trafik yang kerap berlaku, khususnya pada waktu puncak, sekali gus menyebabkan tahap perkhidmatan jalan menurun kepada Tahap F (*Level of Service – LOS F*).
13. Justeru, usaha menaik taraf laluan ini adalah satu langkah penting bagi memastikan kemudahan perhubungan terus seiring dengan keperluan pembangunan dan pertambahan penduduk di kawasan sekitarnya.

PELAKSANAAN PROJEK DENGAN FOKUS KESELAMATAN DAN KESELESAAN

Hadirin yang saya hormati,

14. Bagi menangani cabaran tersebut, pelaksanaan projek ini melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan tunggal dua (2) lorong kepada jalan berkembar empat (4) lorong dua (2) hala (*dual carriageway*) dengan piawaian JKR U5 sepanjang 1.3 kilometer.
15. Skop kerja turut merangkumi pembinaan satu (1) buah jejantas pejalan kaki, pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat serta menaik taraf tiga (3) buah persimpangan sedia ada daripada persimpangan bulatan kepada persimpangan berlampu isyarat.
16. Selain itu, turut dilaksanakan pembinaan tiga (3) buah hentian bas, dua (2) buah perlindungan motosikal, laluan berbumbung ke sekolah, sistem perparitan, pengalihan utiliti serta kerja-kerja pengambilan tanah.
17. Keseluruhan komponen ini membuktikan bahawa Kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan kepada peningkatan kapasiti jalan, tetapi turut mengutamakan keselamatan, keselesaan dan keperluan semua pengguna.
18. Ini jelas terbukti melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM70.6 juta, di mana kos ini juga melibatkan kos pengambilan balik tanah sebanyak RM17 juta.
19. Kos kontrak = RM48 juta, termasuk provisional sum (utiliti) sebanyak RM9.6 juta.

KERJASAMA BERSAMA MEMASTIKAN PENYAMPAIAN PROJEK BERJAYA

20. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini dapat dimulakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan, saya ingin memohon kerjasama Kerajaan Negeri Sabah serta semua agensi berkaitan untuk membantu mempercepatkan proses pengambilan tanah dan pengalihan utiliti.
21. Kerjasama erat semua pihak amat penting bagi memastikan setiap cabaran dapat ditangani secara bersama serta memastikan manfaat pembangunan ini dapat disampaikan kepada rakyat dalam tempoh yang ditetapkan.

MANFAAT KEPADA RAKYAT SABAH DAN MASA HADAPAN SABAH

Hadirin sekalian,

22. Apabila siap kelak, pelaksanaan projek ini akan meningkatkan keupayaan laluan tersebut dalam menampung pertambahan

volum trafik, mengurangkan kesesakan khususnya pada waktu puncak serta meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya di Sabah, khususnya di kawasan Papar.

23. Pada masa yang sama, peningkatan aksesibiliti dan kelancaran pergerakan di sepanjang koridor Lok Kawi – Pengalat – Papar dijangka memberikan impak positif kepada pembangunan sosioekonomi serta menyokong aktiviti ekonomi dan pelancongan setempat.

KOMITMEN KERAJAAN UNTUK PEMBANGUNAN BERTERUSAN

24. Kementerian Kerja Raya akan terus memastikan setiap projek pembangunan yang dilaksanakan memenuhi keperluan rakyat dan memberikan nilai terbaik kepada negara.
25. Projek Menaik Taraf Jalan Lok Kawi dari Bulatan Sabindo ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kinarut ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur jalan raya yang lebih selamat, berkualiti dan memenuhi keperluan semasa.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

26. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua kementerian, jabatan, agensi serta pihak yang telah berganding bahu menjayakan pelaksanaan projek ini.
27. Semoga kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan semua pihak berkaitan terus diperkukuhkan demi memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan membawa manfaat yang besar kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.